Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2024, Volume 9, Issue 1, e002665
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i1.2665

RESEARCH ARTICLE

Faktor Penyebab Peningkatan Tanah Pertanian Terbiar di Negeri Kedah Darul Aman

(Factors Causing the Increase of Idle Agricultural Land in the State of Kedah Darul Aman)

Nor Malina Malek[1*], Mohd Zulkifli Ani[2]

[1]Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.
Email: malina@usm.my
[2] Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.
Email: zoul.ani10@gmail.com

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Nor Malina Malek
(malina@usm.my)

KATA KUNCI:
Tanah terbiar
Tanah pertanian
Kedah Darul Aman
Pembangunan luar bandar

KEYWORDS:
Abandoned land
Agricultural land
Kedah Darul Aman
Rural development

CITATION:
Nor Malina Malek, & Mohd Zulkifli Ani. (2024). Faktor Penyebab Peningkatan Tanah Pertanian Terbiar di Negeri Kedah Darul Aman. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 9*(1), e002665. https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i1.2665

ABSTRAK

Isu tanah pertanian terbiar sentiasa menjadi perhatian pihak kerajaan dengan memperuntukkan pelbagai insentif dan dana dalam usaha untuk memperkasakan sekuriti makanan negara sekaligus mengelak kebergantungan terhadap bekalan import. Tindakan tersebut wajar supaya negara kekal berdaya tahan daripada sebarang kemungkinan pada masa hadapan di samping menjana ekonomi berasaskan pertanian. Namun, isu peningkatan tanah pertanian terbiar berterusan membelenggu pemilik tanah dan negara apabila berlaku peningkatan saban tahun sepertimana yang dilaporkan oleh Jabatan Pertanian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan tanah pertanian terbiar di Negeri Kedah Darul Aman. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif dan data dikutip melalui kaedah temu bual separa berstruktur serta pemerhatian langsung. Seramai 33 orang pemilik tanah dan 5 orang informan kajian telah ditemu bual. Kaedah analisis kandungan telah digunakan untuk menganalisis data menerusi transkrip temu bual. Melalui kajian ini, isu sebenar yang dihadapi oleh pemilik tanah pertanian dapat dikenal pasti. Hasil kajian menunjukkan bahawa masalah modal merupakan faktor utama yang mempengaruhi peningkatan tanah pertanian terbiar di negeri Kedah Darul Aman. Selain itu terdapat juga beberapa faktor lain yang mempengaruhi seperti bantuan agensi kerajaan, birokrasi, kekurangan kelengkapan asas, masalah minat dan lain-lain faktor yang merangkumi masalah haiwan liar, bencana alam dan sumber tanah. Hasil kajian ini diharap dapat membantu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri merangka strategi dalam penambahbaikan Dasar Pertanian Negara, melaksanakan pendekatan strategi pertanian yang kompeten di samping pengurusan dan perancangan guna tanah yang lebih dinamik di masa hadapan.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ABSTRACT

The issue of abandoned agricultural land has always been the focus of the government by allocating various incentives and funds in an effort to strengthen the country's food security while avoiding dependence on imported supplies. The action is appropriate so that the country remains resilient from any eventuality in the future in addition to generating an agriculture-based economy. However, the issue of abandoned agricultural land continues to plague landowners and the country when there is an increase every year as reported by the Department of Agriculture. Therefore, this study aims to examine the factors that cause the increase in abandoned agricultural land in the State of Kedah Darul Aman. This study uses a qualitative research approach and data is collected through semi-structured interviews. A total of 33 landowners and 5 study informants were interviewed. Content analysis methods were used to analyze data through interview transcripts and observation notes. Through this study, the real issues faced by agricultural land owners can be identified. The results of the study show that the capital problem is the main factor affecting the increase in abandoned agricultural land in the state of Kedah Darul Aman. In addition, there are also several other factors that influence such as the help of government agencies, bureaucracy, lack of basic equipment, problems of interest and other factors that include wild animal problems, natural disasters and land resources. The results of this study are expected to help the Federal and State Governments formulate strategies to improve the National Agricultural Policy, implement a competent agricultural strategy approach alongside more dynamic land use management and planning in the future.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah mendapati bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi peningkatan tanah pertanian terbiar di Negeri Kedah Darul Aman. Oleh itu, adalah penting untuk menangani isu tanah pertanian terbiar bagi membantu merumuskan dasar dan strategi pertanian yang lebih berkesan pada masa akan datang.

1. Pengenalan

Tanah merupakan aset yang penting dan bernilai dalam pembangunan sosioekonomi sesebuah negara. Tanah bukan sekadar dijadikan tempat kediaman kepada manusia dan hidupan lain (Mohd Sabree & Mohd Sopiee, 2015) malahan penting sebagai sumber makanan dan air (Naziruddin, 2005). Kemakmuran ekonomi sesebuah negara turut berkait rapat dengan kekayaan sumber tanah. Tanah penting kerana manusia bukan sahaja hidup tetapi juga melakukan pelbagai aktiviti di atas tanah. Tanah mempunyai pengaruh yang signifikan dalam membentuk kehidupan, pekerjaan dan taraf hidup manusia. Tanah adalah sumber semula jadi yang sangat terhad dan penting bukan sahaja sebagai keperluan kepada kehidupan manusia dan hidupan lain malahan merupakan faktor kejayaan kepada sesebuah negara yang perlu dimanfaatkan agar memberi sumbangan kepada kemajuan ekonomi (Visockiene et al., 2019).

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dari perspektif pembangunan luar bandar di Malaysia, pelbagai usaha dan aktiviti dilaksanakan kerajaan bagi merangsang ekonomi masyarakat desa melalui pembangunan tanah dan sumber asli. Pembangunan tanah pertanian terbiar merupakan sebahagian daripada strategi pembangunan luar bandar dalam usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi pemilik tanah. Namun begitu, masalah tanah pertanian terbiar terus meningkat saban tahun. Pelbagai faktor dilihat sebagai penyumbang kepada peningkatan sebanyak 1774 lot tanah pertanian bersamaan 2655 hektar tanah pertanian terbiar di negeri Kedah Darul Aman (Jabatan Pertanian Malaysia, 2019). Perkembangan ini bertentangan dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat desa ketika melaksanakan strategi pembangunan luar bandar. Sebanyak 46,382 lot tanah pertanian bersamaan 103,563 hektar tanah pertanian terbiar di Semenanjung Malaysia termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan telah direkodkan oleh Jabatan Pertanian pada tahun 2019. Tanah pertanian terbiar sewajarnya diusahakan untuk menjadi tanah yang produktif serta memberi pulangan kepada pemilik tanah selain dapat meningkatkan penghasilan tanaman makanan kerana tanah baharu bagi tujuan pertanian adalah semakin terhad di negara ini.

1.1. Permasalahan Kajian

Isu tanah pertanian terbiar di negara ini bukan isu yang baharu sebaliknya telah berlarutan sejak sekian lama dan telah dibangkitkan oleh mantan Perdana Menteri iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi berkaitan kepentingan untuk memajukan serta mengoptimumkan sumber semula jadi tersebut (Abdullah, 2002). Azima (2007) mendapati pihak kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi mengatasi isu tanah pertanian terbiar semasa Rancangan Malaysia Ke-7 sehingga Rancangan Malaysia Ke-9 melalui Kementerian Pertanian (MOA). Pelbagai faktor dari aspek perundangan, pentadbiran dan pengurusan, kekurangan kemudahan asas, ketiadaan infrastruktur dan kurang daya keusahawanan antara penyebab isu ini masih terjadi (Azima, 2007). Pihak MOA juga telah mengenal pasti lot-lot tanah yang berpotensi untuk terutamanya lot-lot tanah terbiar untuk dimajukan selain penambahbaikan dasar-dasar serta kaedah pengurusan tanah pertanian terbiar.

Sektor pertanian merupakan antara sektor menyumbang kepada sebanyak 12.1 peratus kepada keseluruhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Kedah dengan nilai ditambah berjumlah RM5.7 bilion dan menjadi sektor ketiga yang menyumbang kepada keseluruhan KDNK negeri (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Sebagai sebuah negeri yang mencatat Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) antara yang terendah iaitu berada pada kedudukan kedua belas daripada tiga belas negeri di Malaysia dengan KDNK Per Kapita RM22,341 pada tahun 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019), sepatutnya tanah tersebut dapat dimanfaatkan dengan aktiviti pertanian yang lebih menguntungkan daripada terus terbiar. Selain itu, tahap kemiskinan di negeri Kedah juga mencatatkan kadar antara yang tertinggi di Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 7% (27,300 buah isi rumah) kemiskinan keseluruhan pada tahun 2004 (Che Mat & Abdul Hakim, 2011).

Kajian terperinci perlu dilaksanakan berikutan masalah bilangan tanah pertanian yang terbiar terus berlaku di luar bandar Negeri Kedah sedangkan pada masa yang sama pemilik tanah yang terlibat mempunyai tahap ekonomi yang belum meningkat sepertimana diperhatikan dalam kajian Che Mat dan Abdul Hakim (2011)

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pengoptimuman pembangunan tanah pertanian terbiar sebenarnya dapat menyumbang kepada keuntungan ekonomi, sosial dan persekitaran (Visockiene et al, 2019).

Oleh yang demikian, kajian ini penting untuk memastikan peningkatan tanah pertanian terbiar di Kedah dapat dibendung, dikawal dengan lebih teratur dan seterusnya dimajukan supaya pihak yang terlibat mendapat manfaat selaras dengan strategi pembangunan luar bandar yang menyasarkan transformasi luar bandar dari aspek perubahan guna tanah, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan sosioekonomi masyarakat luar bandar selaras dengan aspirasi Kerajaan Madani yang menumpukan ke arah menambah baik Tahap Sara Diri (SSL) serta meningkatkan keterjaminan makanan seperti yang terkandung dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 pada 2030 di mana tanah pertanian seluas hampir 1.3 juta hektar diperlukan bagi menampung aktiviti pengeluaran sumber makanan (Jabatan Pertanian Malaysia, 2021).

1.2. Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, kajian ini amat signifikan untuk dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan tanah pertanian terbiar khususnya di Negeri Kedah Darul Aman.

2. Sorotan Literatur

Bahagian berikutnya menyorot beberapa literatur dan membincangkan hasil kajian-kajian lepas berkenaan isu tanah pertanian terbiar.

2.1 Isu Tanah Pertanian Terbiar

Isu tanah pertanian terbiar di negara ini bukan isu yang baharu sebaliknya telah berlarutan sejak sekian lama dan telah dibangkitkan oleh mantan Perdana Menteri iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi berkaitan kepentingan untuk memajukan serta mengoptimumkan sumber semula jadi tersebut (Abdullah, 2002). Azima (2007) mendapati pihak kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi mengatasi isu tanah pertanian terbiar semasa Rancangan Malaysia Ke-7 sehingga Rancangan Malaysia Ke-9 melalui Kementerian Pertanian. Pelbagai faktor dari aspek perundangan, pentadbiran dan pengurusan, kekurangan kemudahan asas, ketiadaan infrastruktur dan kurang daya keusahawanan antara penyebab isu ini masih terjadi (Azima, 2007).

Fenomena tanah pertanian terbiar telah menjadi masalah serantau dan lazim dalam proses pembandaran (Pagano & Bowman, 2000). Fenomena ini telah merebak dari negara maju seperti negara Eropah dan Amerika Syarikat ke negara membangun (Martinez-Fernandez et.al, 2012). Tanah pertanian terbiar menyumbang kepada pengurangan sumber berasaskan alam sekitar dan memberikan kesan negatif kepada sosioekonomi dan akibat persekitaran (Khanal, & Watanabe, 2006).

Isu tanah pertanian terbiar di Malaysia semakin meningkat disebabkan pelbagai faktor merangkumi isu pemilikan, kekurangan infrastruktur asas, ketiadaan peruntukan dana, kesesuaian jenis tanaman dan faktor komersial (Baharom, 2020). Menyedari kepentingan pembangunan tanah pertanian terbiar ini menyebabkan Kerajaan Persekutuan memberi perhatian khusus dengan memperuntukkan sebanyak RM 1.7 bilion dalam bentuk pemberian subsidi dan insentif bagi industri pertanian dan perikanan di bawah inisiatif industri pertanian, jaminan makanan dan komoditi seperti

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mana yang telah dibentangkan semasa pembentangan Bajet 2022 yang lepas. Langkah ini dilihat signifikan berikutan peningkatan kebergantungan negara kepada makanan import terutamanya selepas pandemik COVID-19.

2.2 Kesan Tanah Pertanian Terbiar

Persaingan dalam pasaran hartanah telah menyebabkan nilai hartanah semakin meningkat disebabkan penawaran dan permintaan daripada pelbagai sektor terutamanya di kawasan berpotensi dan berkepadatan tinggi. Namun, di sebalik penawaran dan permintaan yang semakin melonjak, masih terdapat sebilangan besar tanah yang terbiar dan tidak dimajukan di seluruh pelosok negara. Azima (2007) dan Kurniawati (2019) bersetuju bahawa masalah tanah pertanian terbiar tanpa sebarang usaha dan aktiviti yang bermanfaat akan menyebabkan kerugian bukan hanya kepada pemilik tanah terutamanya dari aspek pendapatan dan guna tanah namun turut menjejaskan pengeluaran dan pendapatan negara.

Kecekapan pengurusan dan perancangan hartanah penting bagi memastikan pembangunan sumber tanah yang menyeluruh dapat dilaksanakan bagi memenuhi keperluan dan kehendak penduduk masa kini dan pada masa hadapan (Godschalk, 2004). Peningkatan tanah pertanian terbiar merugikan negara dan rakyat kerana negara perlu mengimport makanan dari pelbagai negara antaranya China, Australia, Afrika, Thailand, dan India bagi memenuhi keperluan tempatan sehingga membebankan negara dan rakyat berikutan harga yang tinggi (Kurniawati, 2019).

Malaysia dilaporkan membelanjakan sebanyak RM45.3 bilion pada 2015 dan meningkat sebanyak 22.3 peratus kepada RM55.4 bilion pada tahun 2020 berikutan peningkatan jumlah import makanan negara (Amran, 2022). Malaysia masih lagi perlu mengimport komoditi makanan seperti makanan ternakan, baja, sayur-sayuran dan buah-buahan beriklim sederhana. Menyedari hal tersebut, pembangunan tanah pertanian terbiar dengan lebih sistematik dan teratur diharap dapat meningkatkan pertumbuhan sektor pertanian negara terutamanya di Negeri Kedah dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada makanan import, menampung kekurangan pengeluaran tempatan serta menjamin ketersediaan makanan negara.

2.3 Faktor Penyebab Tanah Pertanian Terbiar Dan Strategi Menanganinya

Kebanyakan aktiviti pembangunan dan perancangan tanah terutamanya tanah berkategori pertanian menjadi tergendala mahupun terus terhenti di sebabkan pelbagai faktor antaranya ketiadaan sumber modal kewangan (Main, 1994), regulasi dan syarat pinjaman yang ketat oleh institusi kewangan telah menyebabkan pemilik tanah berputus asa sehingga menyebabkan tanah tidak diusahakan dan lama-kelamaan menjadi terbiar (Azima, 2007).

Seterusnya, Kamanizam Tindek (1990) dan Main Rindam (1994) mendapati sikap dan mentaliti pemilik tanah yang tidak memberikan komitmen untuk menyokong pelbagai usaha dan strategi menggalakkan pembangunan tanah pertanian yang dianjurkan oleh agensi kerajaan di kawasan luar bandar menyumbang kepada permasalahan tersebut. Abdullah Muhamad (2007) menegaskan bahawa sikap, kurang pengetahuan dan persepsi masyarakat terutamanya dalam isu berkaitan permasalahan tanah pusaka. Kegagalan menguruskan urusan berkaitan pembahagian tanah pusaka turut menyumbang kepada kewujudan tanah pertanian terbiar. Proses tuntutan pengurusan

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pembahagian pusaka yang rumit, sukar dan memerlukan perbelanjaan yang tinggi telah menyebabkan berlakunya proses pembahagian pusaka lewat atau tertangguh untuk suatu tempoh yang lama dan akhirnya tanah terus menjadi terbiar.

Selain itu, kekangan budaya juga didapati sebahagian daripada faktor yang mempengaruhi pembangunan tanah di sesetengah kawasan. Sebilangan pemilik tanah di kawasan Kuala Pilah, Negeri Sembilan masih terikat dengan tuntutan adat yang masih kuat apabila melibatkan tanah ada yang secara tradisinya perlu dijaga sebagaimana yang dianjurkan oleh adat turun temurun sebagai amanah dan tidak boleh dibangunkan sewenang-wenangnya sehingga akhirnya gagal dibangunkan dengan sewajarnya (Azima, 2007).

Agensi kerajaan seharusnya memainkan peranan penting dalam perancangan pembangunan melalui dasar, peraturan dan perancangan yang bersesuaian bagi menarik minat masyarakat untuk menyokong segala usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Pengurusan tanah yang baik dan sistematik serta sistem sokongan teknikal yang kuat oleh pihak yang berkenaan juga diperlukan untuk pembangunan dan manfaat kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada pemilik tanah bagi menambah pendapatan (Khanal & Watanabe, 2006) selain peranan pihak kerajaan dalam membuat dasar penggunaan tanah negara yang berkesan (Prishchepov et al., 2012).

Berdasarkan kepada sorotan literatur yang telah dibincangkan didapati terdapat keperluan kajian selanjutnya dijalankan terhadap permasalahan tanah pertanian terbiar memandangkan permasalahan ini merupakan masalah yang telah berlanjutan sejak sekian lama dan masih menjadi sebahagian daripada agenda pembangunan luar bandar. Dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar, pemulihan selepas pandemik COVID-19 dan konflik Ukraine-Rusia nyata memberikan impak yang sangat besar ke atas sektor makanan negara. Sehubungan itu, kajian ini mengupas lebih mendalam aspek pembangunan tanah pertanian terbiar dengan lebih lestari dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada makanan import, menampung kekurangan pengeluaran tempatan serta menjamin ketersediaan makanan negara.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual separa berstruktur untuk mendapatkan data primer. Kaedah persampelan yang digunakan adalah kaedah persampelan bertujuan. Dalam konteks kajian ini, peserta kajian adalah terdiri daripada pemilik tanah pertanian iaitu disasarkan sebanyak 30 orang yang memenuhi kriteria kajian. Seramai 4 orang peserta kajian dari 8 buah daerah yang mempunyai bilangan lot tanah terbiar antara yang tertinggi di negeri Kedah iaitu Padang Terap, Kota Setar, Kubang Pasu, Kuala Muda Baling, Kulim, Sik dan Langkawi telah ditemu bual (Jabatan Pertanian Malaysia, 2019). Temu bual juga turut melibatkan informan kajian seramai 5 orang yang terdiri daripada kalangan pegawai di MOA dan Jabatan Pertanian Negeri yang bertanggungjawab dan berperanan dalam pelaksanaan program pembangunan tanah pertanian terbiar di negeri Kedah Darul Aman.

Bagi kaedah analisis data kualitatif, kaedah analisis kandungan telah digunakan. Teknik analisis data kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan semantik bertujuan untuk mendapatkan makna kontekstual daripada teks perbualan temu bual yang telah direkodkan. Maklumat yang dikumpulkan kemudiannya dikategorikan mengikut tema

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

bagi mencapai objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan tanah pertanian terbiar khususnya di Negeri Kedah Darul Aman.

4. Hasil Kajian

Dapatan kajian mendapati terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi peningkatan tanah pertanian terbiar di Negeri Kedah Darul Aman. Hasil analisis kandungan ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan tanah pertanian terbiar di Negeri Kedah Darul Aman

Faktor	Bilangan Peserta	Kekerapan Faktor Dirujuk
Masalah Modal	33	103
Bantuan Agensi Kerajaan	30	87
Birokrasi	25	37
Kekurangan Kelengkapan Asas	18	30
Masalah Minat	7	19
Lain-Lain	5	12

Jadual 1 menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan tanah pertanian terbiar di Negeri Kedah Darul Aman. Terdapat 4 faktor dominan yang mempengaruhi peningkatan tanah pertanian terbiar dalam kalangan pemilik tanah pertanian iaitu faktor masalah modal, faktor bantuan agensi kerajaan, faktor birokrasi dan faktor kekurangan kelengkapan asas.

4.1 Masalah Modal

Hasil kajian mendapati bahawa masalah modal merupakan faktor utama yang mempengaruhi peningkatan tanah pertanian terbiar di Negeri Kedah Darul Aman. Faktor modal ini termasuklah modal permulaan untuk membersihkan tanah yang memerlukan jentera, pembelian benih tanaman, baja, dan juga racun. Menurut peserta kajian SIK 03:

> "*Modai kalu kata permulaan ni kita kena keluaq sendiri dululah. Kita kena keluaq sendiri. Saya pun buleh mencecah sehingga 30 ribu ringgit untuk bawak keluaq modai.*"

Pendapat peserta kajian ini juga selari dengan pendapat peserta kajian SIK 02 di mana beliau turut mengatakan:

> *"Sebelum-sebelum ni tanah ni buat bendang, buat sawah padi la. Jadi masa tu kawasan ni jadi orang kata apa, bendang ni kawasan dia kecik. Bila kecik kita nak tanam padi tu nak guna modai tu nak pakai mesin nak ambik padi tu. Jadi kos dia tu tinggi. Bila kos tu tinggi jadi tak padan dengan nak buat. Jadi terbiaq...terbiaq lagu tu."*

Selain itu, peserta kajian SIK 01 pula mengatakan bahawa ketiadaan jentera mempengaruhi beliau dalam mengusahakan tanah dengan aktiviti pertanian. Beliau menyatakan:

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

"Masalah dia tu modai, satu lagi jentera apa semua kita takdak..."

Permasalahan ini turut dikongsi oleh peserta kajian BLG 01. Menurut beliau:

"Ha, kalau tak minta terbiaq la, terbiaq dengan hutan lagu tu. Pakcik masuk pun pokok kena tolak dengan bulldozer. Ha tu modal sendiri dulu, lepas tu bagi benih, depa tolak kereta apa semua ni modal sendiri. Benih apa semua modal sendiri. Lepas tu, buat-buat, dapat bantuan."

Kesimpulannya, faktor modal ini merupakan faktor utama yang mempengaruhi peningkatan tanah pertanian terbiar di Negeri Kedah Darul Aman. Faktor ini telah disebut atau dirujuk sebanyak 103 kali oleh keseluruhan 33 orang peserta kajian.

4.2 Bantuan Agensi Kerajaan

Faktor bantuan agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam sektor pertanian turut mempengaruhi keterlibatan dan kemenjadian hasil pertanian yang diusahakan. Sebilangan besar petani amat mengharapkan tunjuk ajar, motivasi dan dorongan serta sokongan yang berterusan sepanjang tempoh aktiviti pertanian berlangsung. Namun begitu, kebanyakan petani menyatakan dorongan dan sokongan yang diberikan oleh agensi kerajaan yang berkenaan tidak memberangsangkan dan perlu dipertingkatkan. Menurut peserta kajian SIK 02:

"Haa pasaran la ni kita banyak sendiri. Banyak pi dok tolak ikut dan sendiri sebab kita tak mau tolak dekat FAMA sebab FAMA dia ambik kat kita bila kos kita jatuh. Bila kita jatuh baru dia mai. Dia tak mai membantu macam mana nak cari jalan ni. Dia mai bantu ketika kita buah dah banyak tak buleh juai dia baru mai. Bila dia mai, dia ambik timun dengan harga 3 kupang, terung harga 2 kupang jadi tak buleh nak bantu petani lah. Kos untuk pengangkutan saya kena tambah lagi. Tapi bila kita dapat pasaran dengan 2 kupang atau pun 3 kupang kita tak buleh dah nak tanam, kita tak buleh nak drip baja dah. Sebab dia melibatkan kos fertigasi ni tinggi baja dia pun tinggi."

Berdasarkan kajian ini, penyelidik mendapati kebanyakan petani menghadapi masalah bagi memasarkan hasil pertanian mereka berikutan kekurangan kemudahan logistik dan harga pasaran yang tidak menentu. Menurut peserta kajian KLM 03:

"... FAMA ni yang musnahkan penanam pokok. Dia la ni import dari Thailand dengan China, habih la barang kita. Baca tengok, dari 2010 sampai 2023, dulu seringgit setengah, dua ringgit, tiga ringgit. La pun dok macam tu. Barang la ni baja mahai, biji mahai, pekerja mahai semua naik. Apa yang kita dapat? Gulung tikaq? Harga lagi teruk. FAMA tak membantu langsung. Bagi pelingkup orang dia... Saya ladang kontrak dengan FAMA, apa yang depa buat bagi kita? Sepatutnya dia jaga tapi dia bagi mampuih kita."

Sehubungan itu, para petani sangat memerlukan bantuan dan sokongan daripada agensi terlibat untuk bersama-sama membantu memasarkan hasil tanaman mereka agar tidak berlaku kerosakan dan kerugian.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)

4.3 Birokrasi

Hasil kajian ini mendapati faktor birokrasi pada peringkat agensi kerajaan turut memainkan peranan yang mendorong peningkatan tanah pertanian terbiar di Negeri Kedah Darul Aman. Faktor ini terdiri daripada kaedah agihan peruntukan, kekerapan penyaluran bantuan dan pemantauan ke atas petani yang telah menerima manfaat pemberian sesuatu insentif yang berkaitan. Menurut peserta kajian SIK 02:

> *"Dulu apabila jabatan-jabatan kerajaan ni dia beri peruntukan tu dia bagi, bila orang pi mohon, buat borang apa semua pi mohon, depa bagi. Pihak jabatan-jabatan kerajaan daripada KEDA, daripada Pertanian, daripada RISDA, depa bagi dulu. Apabila depa bagi tu, bila kebanyakan orang hat mohon tu dia mintak ja, tapi dia tak buat. Jadi macam dulu dia dapat hat welding contohnya, dia dapat hat Pertanian, dia tak buat, benda tu dia simpan, bila benda tu simpan dia tak dak manafaat apa-apa. Apabila orang belakang pi mintak, seolah-olah orang hat depan tu dah berak dah, bila hat belakang ni nak pi mintak nak kena basuh dulu. Apabila nak kena basuh dulu, makna kata hat belakang ni takdak apa la. Tak dapat la."*

Pandangan ini turut dikongsi oleh peserta kajian SIK 03 yang turut berdepan dengan karenah birokrasi semasa permohonan mendapatkan peruntukan bagi memajukan kawasan pertaniannya. Menurut beliau:

> *"Proses dia susah jugak… proses dia. Makan masa lama jugak. Saya nak mintak tu kan masa lebih kurang dalam 2 tahun ke 3 tahun baru saya dapat barang tu."*

Faktor ini dipersetujui mampu mempengaruhi potensi untuk petani membangunkan tanah pertanian terbiar dan disebut sebanyak 37 kali oleh keseluruhan 25 orang peserta kajian. Perkara ini menunjukkan kaedah pengagihan dan pemantauan ke atas petani yang menerima peruntukan kurang memuaskan sehingga penyelewengan peruntukan boleh berlaku. Perkara seperti ini sepatutnya tidak berlaku dan memerlukan tindakan pencegahan yang segera.

4.4 Kekurangan Kelengkapan Asas

Faktor kekurangan kelengkapan asas juga merupakan antara faktor yang tertinggi dilihat mempengaruhi peningkatan tanah pertanian terbiar di Negeri Kedah Darul Aman. Faktor ini disebut sebanyak 30 kali oleh 18 orang peserta kajian yang telah ditemu bual. Faktor ini termasuklah pemasangan pagar bagi mengelak binatang liar menceroboh kawasan tanaman. Peserta kajian BLG 01 berpendapat bahawa bantuan yang diperuntukkan oleh agensi kerajaan adalah terhad dan untuk keperluan mendesak memerlukan petani mengeluarkan modal sendiri. Beliau menyatakan:

> *"Tanaman lain macam kita tanam durian dia panjang, jagung dak. Tapi masalah cengkerik. Babi... ha tu lah kalau kata boleh Jabatan Pertanian bagi hat buat apa hat macam babi, pagaq ataupun pagaq karan lani pakai apa, pakcik pakai karan, pakai bateri. Kita tarik keliling tu, pakcik kalau kata bateri tu habis, babi masuk. Hat tu la Kerajaan tak bagi bantuan. Pagaq dia tak bagi. Kalau boleh tu la macam bantuan pagaq.*

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

> *Pagaq tu mustahak. Modal banyak. Pagaq adalah modal banyak. Kan kita kata 2 tahun sekali ka bagi macam traktor ka. Traktor tu banyak duit. Kan..tu la."*

Peserta kajian LGK 01 juga berpandangan bahawa petani perlu bertindak sendiri bagi memajukan kawasan tanaman walaupun mempunyai kelengkapan dan modal yang terhad sebelum permohonan bantuan diperoleh. Menurut beliau:

> *"Biasalah, masa mula nak buat tu, modal la… kan nak sewa backhoe apa semua nak cerah apa semua. Lepas tu nak kena beli barang-barang apa semua sementara nak dapat ada bantuan daripada jabatan-jabatan yang berkaitan kan, semua tu nak kena ada dulu."*

Secara ringkasnya, kebanyakan petani tergolong dalam kalangan masyarakat berpendapatan rendah amat terkesan dengan peruntukan yang terhad dalam usaha memajukan kawasan pertanian mereka. Namun begitu, di sebalik kekurangan tersebut, mereka tetap berusaha meningkatkan hasil pertanian mereka dengan inisiatif sendiri sementara menunggu bantuan daripada kerajaan. Sehubungan itu, kajian ini mendapati daripada semua faktor yang mempengaruhi peningkatan tanah pertanian terbiar di negeri Kedah ini, secara keseluruhannya peningkatan hasil pertanian sangat memerlukan suntikan dana, khidmat nasihat dan bantuan asas sektor pertanian daripada kerajaan dari semasa ke semasa sebelum petani dapat berdiri teguh dengan modal dan segala kelengkapan pertanian yang diperlukan.

5. Kesimpulan

Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi peningkatan tanah pertanian terbiar di Negeri Kedah Darul Aman iaitu faktor masalah modal, bantuan agensi kerajaan, birokrasi, kekurangan kelengkapan asas, masalah minat dan lain-lain faktor yang merangkumi masalah haiwan liar, bencana alam dan sumber tanah tersebut yang perlu ditambah baik bagi diusahakan dengan tanaman. Walaupun lain-lain faktor ini tidak dominan, isu-isu tersebut perlu ditangani dengan sewajarnya. Faktor utama yang mempengaruhi peningkatan tanah pertanian di negeri Kedah adalah masalah modal iaitu modal permulaan untuk membangunkan sesuatu kawasan pertanian yang memerlukan sejumlah besar wang yang sememangnya membebankan petani. Tanah pertanian terbiar seharusnya diusahakan dengan lebih berkesan supaya dapat memberi pulangan kepada pemilik tanah bagi meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

Isu berkaitan hasil tanaman dalam negara semakin mendapat perhatian pelbagai pihak selain kerajaan terutamanya selepas pandemik COVID-19 melanda dunia apabila sektor makanan dunia terjejas teruk ditambah pula dengan konflik Ukraine-Rusia yang turut memberi kesan kepada kebergantungan import makanan terutamanya yang berasaskan gandum. Kebergantungan kepada import makanan luar telah menyebabkan negara terpaksa berbelanja lebih daripada biasa dan sumber yang diperolehi juga semakin terhad. Isu kekurangan makanan dan peningkatan harga barangan utama pengguna seperti beras, telur, minyak dan beberapa lagi makanan sangat membebankan penduduk di negara ini. Oleh yang demikian, kajian ini diharap mampu menjadi rujukan kepada pihak yang berkenaan dalam mengambil tindakan dan menyusun strategi memajukan sektor pertanian negara melalui pendekatan strategi pertanian yang baharu,

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pengurusan dan perancangan guna tanah yang lebih dinamik, meningkatkan pendapatan dan pembangunan sosioekonomi dalam kalangan masyarakat.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia Universiti Sains Malaysia (JEPeM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua peserta kajian dan informan kajian atas bantuan mereka dalam melengkapkan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Para penulis tidak menerima pembiayaan khusus untuk kajian ini.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis mengisytiharkan bahawa kajian itu dijalankan tanpa adanya sebarang hubungan komersial atau kewangan yang boleh ditafsirkan sebagai potensi konflik kepentingan.

Rujukan

Abdullah Ahmad Badawi. (2002) *Ucapan Dasar YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.* Konvensyen Tanah Kebangsaan. 1 Oktober 2002. Hotel Nikko, Kuala Lumpur.

Abdullah Muhamad. (2007). Ke Arah Penyelesaian Harta Pusaka Kecil Yang Lebih Bersepadu Cekap Dan Cemerlang. *Prosiding Konvensyen Pewarisan Harta Islam*, hlm. 62-85.

Amran Zakaria (2022) Pulihkan kelesuan tanah pertanian. *Utusan Malaysia.* https://www.utusan.com.my/rencana/2022/02/pulihkan-kelesuan-tanah-pertanian/

Azima Abdul Manaf. (2007). *Keupayaan Pendekatan Institusi Dalam Menghurai Punca-Punca Tanah Pertanian Terbiar di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan*. [Tesis Sarjana], Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Baharom Bakar. (2020, Mei 7). Tubuh Pasukan Petugas Pulih Tanah Terbiar. *Berita Harian.* https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/686462/tubuh-pasukan-petugas-pulih-tanah-terbiar

Che Mat, S. H., & Abdul Hakim, R. (2011). Jangka Masa Keluar Daripada Kepompong Kemiskinan dan Ketermiskinan: Kajian Kes di Kedah Darul Aman, Malaysia. *International Journal of Management Studies*, *18*(2), 217–236. Retrieved from https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ijms/article/view/10356

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Godschalk, D. R. (2004). Land use planning challenges: Coping with conflicts in visions of sustainable development and livable communities. *Journal of the American Planning Association*, *70*(1), 5-13.

Jabatan Pertanian Malaysia (2019). *Maklumat Tanah Terbiar*. Diperolehi daripada Jabatan Pertanian Malaysia http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/411?mid=232.

Jabatan Pertanian Malaysia (2021). *Dasar Agromakanan Negara 2021-2030*. Diperolehi daripada Jabatan Pertanian Malaysia https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2022/02/Ringkasan-Eksekutif-Dasar-Agromakanan-Negara-2.0-2021-2030.pdf

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Laporan Sosioekonomi Kedah 2019*. Jabatan Perangkaan Malaysia. https://www.dosm.gov.my

Kamanizam Tindek. (1990). *Sikap Pemilik Tanah Di Kampung Melayu Tradisional Terhadap Projek Penyatuan Tanah-Tanah Sawah Terbiar oleh FELCRA: Kajian Kes di Kampung Sri Pilah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana Muda Sains Pembangunan. Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Khanal, N. R., & Watanabe, T. (2006). Abandonment of agricultural land and its consequences. *Mountain Research and Development*, *26*(1), 32-40.

Kurniawati Kamaruddin (13 Mei 2019). Negara Perlukan Reformasi Tanah Terbiar. *Bernama*. https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1725776

Main Rindam. (1994). *Tanah pertanian terbiar Masalah Dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Martinez-Fernandez, C., Audirac, I., Fol, S., & Cunningham-Sabot, E. (2012). Shrinking cities: Urban challenges of globalization. *International journal of urban and regional research*, *36*(2), 213-225.

Mohd Sabree Nasri & Mohd Sopiee Shiddeq. (2015). *Pengurusan dan Pembangunan Tanah pertanian terbiar: Tinjauan Khusus Pada Awal Pemerintahan Islam dan Undang-Undang di Malaysia*, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Naziruddin Abdullah. (2005). Polisi Pentadbiran Dan Pengurusan tanah: Analisis Perbandingan Antara Kanun Tanah Negara dan Hukum Islam. *Jurnal Syariah*, 13, 125-145.

Pagano, M. A., & Bowman, A. O. M. (2000). *Vacant land in cities: An urban resource* (pp. 1-9). Washington, DC: Brookings Institution, Center on Urban and Metropolitan Policy.

Prishchepov, A. V., Radeloff, V. C., Baumann, M., Kuemmerle, T., & Müller, D. (2012). Effects of institutional changes on land use: agricultural land abandonment during the transition from state-command to market-driven economies in post-Soviet Eastern Europe. *Environmental Research Letters*, *7*(2), 024021.

Visockiene, J. S., Tumeliene, E., & Maliene, V. (2019). Analysis and identification of abandoned agricultural land using remote sensing methodology. *Land Use Policy*, 82.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).